



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berkeelayakan adalah dipelawa memohon bagi mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak seperti yang dinyatakan di bawah:-

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	TARAF
1.	PEGAWAI SYARIAH	LS41	PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN	KONTRAK / TETAP
2.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN	C29	SAINS	KONTRAK

KETERANGAN

1. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan secara **online** (atas talian) dengan melayari Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di alamat :- <http://www.spa.gov.my>
2. **Hanya permohonan yang dikemukakan dalam tempoh iklan sahaja akan diproses. Tempoh iklan mulai 17 November 2022 hingga 30 November 2022.**
3. Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak Darul Ridzuan (u/p : Unit Pengambilan) No Tel : 05-2540615
4. Tarikh Tutup Permohonan pada **30 November 2022 (Rabu) jam 11.59 malam**



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
E-5-2, E-6-2, MENARA SSI,
SOHO 2, JALAN SULTAN IDRIS SHAH,
30000 IPOH.
NO.TEL: 05-2540615**

Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berkeelayakan adalah dipelawa memohon bagi mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak seperti yang dinyatakan di bawah:-

IKLAN 4/2022 PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERAK

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
1.	PEGAWAI SYARIAH	LS41	PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
2.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN	C29	SAINS

Syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenai jawatan di atas adalah seperti berikut:-

- 1.0 (a) Jawatan : **PEGAWAI SYARIAH**
- (b) Jabatan : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak Dan Jabatan Pendakwa Syariah Negeri Perak
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perundangan Dan Kehakiman
- 2.0 Jadual Gaji : Gred LS41

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,418.00	RM9,607.00	RM225.00

3.0 Syarat Lantikan :-

3.1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dengan kewarganegaraan Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred LS41: RM2,418.00); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian Syariah atau Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) serta Diploma Lanjutan Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred LS41: RM2,418.00); dan

3.2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :-

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3.3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) :

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Syariah Gred LS41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.1(c); dan

(b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4.0 Taraf Jawatan :

Kontrak / Tetap

5.0 Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan :

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Syariah adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6.0 Tarikh Tutup Permohonan :

30 November 2022 (Rabu)

- 1.0 (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN**
- (b) Jabatan : Jabatan Agama Islam Negeri Perak
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sains
- 2.0 Jadual Gaji : Gred C29

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,505.00	RM5,696.00	RM145.00

3.0 Syarat Lantikan :-

3.1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dengan kewarganegaraan Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) diploma dalam bidang teknologi makanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C29: RM1,858.12).

3.2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :-

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4.0 Taraf Jawatan :

Kontrak

5.0 Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan :

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Makanan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6.0 Tarikh Tutup Permohonan :

30 November 2022 (Rabu)